

GARIS PANDUAN PEMBERIAN BANTUAN KHAS KEWANGAN (BKK) BAJET 2018 KEPADA PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM NEGERI PERAK

1. PELAKSANAAN

- 1.1. Bayaran Khas Kewangan (BKK) RM1,000.00 ini diberi kepada semua pegawai Perkhidmatan Awam Negeri Perak yang berkhidmat pada tahun 2017 tertakluk kepada syarat, bahawa pegawai telah berkhidmat sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut termasuk semua jenis cuti bergaji penuh dan cuti separuh gaji serta Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am dalam tempoh 1 Januari 2017 hingga 31 Disember 2017.

2. PEGAWAI YANG LAYAK

- 2.1. Bayaran RM1,000 untuk Anggota pentadbiran Kerajaan Negeri, pegawai lantikan tetap, *contract of service* dan *contract for service* yang berkhidmat dalam tempoh 1 Januari 2017 hingga 31 Disember 2017;
- 2.2. Bayaran RM1,000 untuk Guru Idadi, Guru Thanawi, Guru Tadika Islam, dan Guru Sandaran Tidak Terlatih (GSTT) yang berkhidmat dalam tempoh 1 Januari 2017 hingga 31 Disember 2017;
- 2.3. Pegawai bercuti separuh gaji tetapi tidak sepanjang tahun 2017;
- 2.4. Pegawai yang bercuti tanpa gaji tetapi tidak sepanjang tahun 2017;

- 2.5. Pemandu yang dilantik oleh pegawai Gred JUSA B dan ke atas dan yang layak pemandu tetapi tidak disediakan pemandu oleh Jabatannya; dan
- 2.6. Pemandu yang dilantik sendiri oleh Anggota Pentadbiran.

3. PEKERJA SAMBILAN HARIAN

- 3.1. PSH yang tempoh kontraknya telah berkuat kuasa sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut pada tahun 2017 layak dibayar RM1,000.00.

4. PEGAWAI YANG TIDAK LAYAK

- 4.1. Pegawai yang berkhidmat kurang daripada 30 hari berturut-turut dalam tahun 2017 mulai 1 Januari 2017 hingga 31 Disember 2017;
- 4.2. Pegawai yang bercuti tanpa gaji sepanjang tempoh 1 Januari 2017 hingga 31 Disember 2017;
- 4.3. Pegawai yang bercuti separuh gaji sepanjang tempoh 1 Julai 2017 hingga 31 Disember 2017;
- 4.4. Pegawai yang dikenakan hukuman tatatertib selain daripada hukuman amaran dalam tempoh 1 Januari 2017 hingga 31 Disember 2017; dan
- 4.5. Pegawai yang ditamatkan perkhidmatan demi kepentingan awam dalam tempoh 1 Januari 2017 hingga 31 Disember 2017.

5. PEGAWAI YANG DITANGGUHKAN BAYARANNYA

- 5.1. Pegawai yang ditahan kerja, digantung kerja atau surat pertuduhan telah dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tatatertib. Pegawai hanya layak dibayar Pemberian Khas sekiranya Pihak Berkuasa Tatatertib mendapati pegawai tersebut tidak bersalah atau pegawai hanya dikenakan hukuman amaran.

6. PEGAWAI YANG MENINGGAL DUNIA DALAM PERKHIDMATAN

- 6.1. Pegawai yang meninggal dunia dalam tempoh 1 Januari 2017 hingga 31 Disember 2017, layak terima RM1,000; dan
- 6.2. Tertakluk kepada syarat pegawai telah berkhidmat sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut termasuk semua jenis cuti bergaji penuh, Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am dalam tempoh 1 Januari 2017 hingga 31 Disember 2017.

7. TARIKH BAYARAN

- 7.1. Pembayaran ini menjadi tanggungan jabatan di mana pegawai berkhidmat pada 22 Disember 2017.